A

MUSTAFA TAMBUN lwn. PP & RAYUAN YANG LAIN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
TENGKU MAIMUN TUAN MAT HMR
ZAKARIA SAM HMR

B

[RAYUAN JENAYAH NO: B-05-112-04-2013 & B-05-127-05-2013]
7 OKTOBER 2015

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(1)(a) – Pertuduhan asal pengedaran dadah berbahaya jenis kanabis –*

C *Pembelaan berjaya mengakas andaian di bawah s. 37(da) tetapi gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kesalahan milikan – Tertuduh disabitkan di bawah s. 6 – Sama ada 'mens rea possession' dibuktikan – Karektor ditimbulkan semasa perbicaraan – Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila menerima fakta kewujudan karektor – Sama ada terdapat keterangan kukuh untuk pembuktian 'pengedaran'*

D *di bawah pertuduhan asal – Sama ada tertuduh wajar dijatuhkan hukuman mati mandatori*

PROSEDUR JENAYAH: *Sabitan dan hukuman – Rayuan terhadap – Tertuduh dituduh dengan pertuduhan asal pengedaran dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 – Pembelaan berjaya mengakas andaian*

E *di bawah s. 37(da) tetapi gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kesalahan milikan – Tertuduh disabitkan di bawah s. 6 – Sama ada 'mens rea possession' dibuktikan – Karektor ditimbulkan semasa perbicaraan – Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila menerima fakta kewujudan karektor – Sama ada terdapat keterangan kukuh untuk pembuktian 'pengedaran' di bawah pertuduhan*

F *asal – Sama ada tertuduh wajar dijatuhkan hukuman mati mandatori*

Orang Kena Tuduh ('OKT') telah dipertuduh mengedarkan 22,503g kanabis, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). SP2 bersama-sama pasukannya telah membuat intipan ke atas sebuah kereta yang disyaki sebagai kereta curi. Seorang lelaki yang dicamkan sebagai OKT

G dilihat memasuki kereta tersebut dan dalam keadaan hendak mengundurkan kereta, SP2 dan pasukannya telah membuat serbuan. Kereta tersebut diperiksa dan dua bungkusan plastik besar, setiap satu berisi 15 ketulan mampat dan 10 ketulan mampat telah dijumpai. Ketulan mampat tersebut telah disahkan sebagai kanabis. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara

H memutuskan bahawa OKT mempunyai '*mens rea* possession' dan untuk elemen pengedaran, hakim bicara telah mengguna pakai s. 37(da) ADB. OKT menyatakan bahawa apabila dia ditahan oleh SP2, dia telah memberitahu bahawa 'kereta ini bukan saya punya, ini kereta Azman Hassan'. Pembelaan juga memanggil SB2 yang mengakui bahawa kereta tersebut adalah

I kepunyaan Azman. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara memutuskan bahawa 'Azman' bukanlah ciptaan atau rekaan. Justeru, mengikut hakim bicara, pembelaan telah berjaya mengakas andaian di bawah s. 37(da) ADB

mengenai pengedaran, tetapi mendapati pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kesalahan 'memiliki'. Dengan itu, OKT telah disabitkan di bawah s. 6 ADB dan dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama dan dijatuhkan hukuman penjara 16 tahun dan 14 sebatan. OKT merayu terhadap sabitan dan hukuman tersebut. Pihak pendakwaan pula tidak berpuas hati terhadap sabitan di bawah s. 6 ADB dan merayu supaya OKT disabitkan di bawah pertuduhan asal. Isu yang dibangkitkan oleh OKT dalam rayuan ini adalah bahawa OKT tidak mempunyai kuasa melupuskan terhadap dadah-dadah tersebut, oleh itu '*mens rea* possession' tidak dibuktikan melampaui tahap keraguan munasabah.

Diputuskan (menolak rayuan OKT; membenarkan rayuan pendakwa raya) Oleh Mohtarudin Baki HMR menyampaikan penghakiman mahkamah):

(1) Hakim bicara terkhilaf apabila menerima fakta kewujudan 'Azman'. Menurut pihak pembelaan, kereta tersebut disaman dan saman tersebut telah dijelaskan oleh Azman. Alasan mengenai resit bayaran denda kereta mempunyai nama Azman hanyalah satu fakta yang dicadangkan sahaja. Saman atau resit tersebut di mana nama 'Azman' dikatakan tertera, tidak dikemukakan sama ada di peringkat pendakwaan atau pun pembelaan. Ini bererti tiada nilai probatif perlu diberi pertimbangan oleh hakim bicara. Jelas hakim bicara tersalah arah dalam isu ini. (perenggan 18)

(2) Karektor 'Azman' hanya ditimbulkan semasa perbicaraan. Ianya tidak pernah diberitahu oleh OKT sama ada kepada pegawai tangkapan SP2 ataupun pegawai penyiasat SP7. Oleh itu, penemuan fakta hakim bicara mengenai Azman adalah bertentangan dengan keterangan yang ada. Mengenai andaian undang-undang di bawah s. 37(da) ADB pula, pembelaan tidak membawa apa-apa keterangan untuk mengakas andaian tersebut di atas imbangan kebarangkalian. Pembelaan hanya menafikan '*mens rea* possession' sahaja. (perenggan 19, 22 & 23)

(3) Keterangan adalah kukuh untuk pembuktian '*mens rea* possession' dan 'pengedaran' di bawah pertuduhan asal iaitu di bawah s. 39B(1)(a) ADB. Rayuan OKT ditolak, sebaliknya, rayuan pihak pendakwaan dibenarkan. Sabitan dan hukuman terhadap OKT oleh hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan sabitan di bawah s. 39B(1)(a) ADB dan dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama iaitu hukuman mati mandatori. (perenggan 24)

***English** Translation Of Headnotes*

The accused ('OKT') was charged for trafficking in 22,503g of cannabis, which was an offence under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). SP2, along with his team, had observed a car which was suspected to be a stolen car. A man was seen getting into the said car and was in the

A midst of reversing the said car when SP2 and his team ambushed him. An inspection was done on the car and two big plastic packages, each containing 15 slabs and 10 slabs were found. The slabs were confirmed to be cannabis. At the end of the prosecution's case, the trial judge held that the OKT had *mens rea* possession and as for the element of trafficking, the trial judge B invoked s. 37(da) of the DDA. OKT stated that when he was detained by SP2, he had told that 'the car is not mine, this car belongs to Azman Hassan'. The defence also called SB2 who admitted that the said car belonged to Azman. At the end of the case for the defence, the trial judge held that 'Azman' was not a creation or an invention. Thus, according to the trial C judge, the defence had succeeded in reversing the presumption under s. 37(da) of the DDA regarding trafficking, but failed to raise a reasonable doubt on the offence of 'possession'. Therefore, the OKT was convicted under s. 6 of the DDA and sentenced under s. 39A(2) of the same Act with 16 years imprisonment and 14 strokes of whipping. The OKT appealed against the said conviction and sentence. The prosecution was not satisfied D with the conviction under s. 6 of the DDA and appealed for the OKT to be convicted under the original charge. In this appeal, OKT raised the issue that he had no power to dispose of the said drugs, therefore '*mens rea* possession' was not proved beyond reasonable doubt.

E **Held (dismissing OKT's appeal; allowing prosecution's appeal)**
Per Mohtarudin Baki CJA delivering the judgment of the court:

(1) The trial judge had erred when he accepted the existence of 'Azman'. According to the defence, the said car had received summons and the said summons had been settled by Azman. The plea of the receipt F payment that had the name Azman on it was only a fact that was suggested. The said summons or receipt where the name 'Azman' was printed on it, was not adduced at the prosecution's stage or at the defence stage. This meant that there was no probative value that could be considered by the trial judge. Clearly, there was a misdirection by the trial judge regarding this issue. G

(2) The character of 'Azman' was only raised during the trial. The OKT had not given this information either to the arresting officer SP2 or the investigating officer SP7. Hence, the trial judge's finding of fact regarding Azman was contrary to the evidence available. On the H presumption of law under s. 37(da) of the DDA, the defence did not bring any evidence to reverse the said presumption on a balance of probabilities. The defence only denied the *'mens rea* possession'.

(3) The evidence was solid on the evidence of *'mens rea* possession' and trafficking under the original charge under s. 39B(1)(a) of the DDA. The I OKT's appeal was dismissed while the prosecution's appeal was allowed. The conviction and sentence against the OKT by the trial judge

was set aside and substituted with a conviction under s. 39B(1)(a) of the DDA punishable under s. 39B(2) of the same Act which was the mandatory death sentence.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Denish Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dirujuk)***
Teng Howe Sing v. PP [2009] 3 CLJ 733 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 6, 37(da), 39A(2), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak perayu - Hisyam Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik & Co
- Ariff Azami Hussein; T/n Azizzul & Arif
Bagi pihak responden - Asmah Musa; TPR

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP v. Mustafa Tambun [2014] 1 LNS 321.]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohtarudin Baki HMR:

[1] Ini adalah rayuan silang. Untuk memudahkan pemahaman, kami menggunakan terma orang kena tuduh (OKT) dan Pendakwa Raya di dalam penghakiman kami. Rayuan No. B-05-112-04-2013 adalah rayuan oleh orang kena tuduh. Manakala Rayuan No. B-05-127-05-2013 adalah oleh Pendakwa Raya.

[2] Pertuduhan

Bahawa kamu pada 27 Oktober 2010, jam lebih kurang 5 petang, di hadapan Bangunan Tower C, Mentari Court, Sg. Way di dalam Daerah Petaling Jaya, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah memperedarkan dadah berbahaya sejumlah berat 22,503 gram Cannabis dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Latar Belakang Kes

[3] Di akhir kes pendakwaan hakim bicara telah berpuas hati bahawa kes *prima facie* telah dibuktikan di mana hakim bicara telah memutuskan OKT mempunyai "*mens rea* possession" dan untuk elemen pengedaran, beliau telah mengguna pakai s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB). Justeru beliau telah memanggil pembelaan OKT. Setelah mendengar pembelaan hakim bicara memutuskan bahawa pembelaan telah berjaya mengakas andaian undang-undang di bawah s. 37(da) ADB, tetapi mendapati

pembelaan gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kesalahan "memiliki". OKT telah disabitkan di bawah s. 6 ADB dan dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama. OKT telah dihukum dengan hukuman penjara 16 tahun dan 14 sebatan.

[4] OKT tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman tersebut dan merayu terhadap sabitan dan hukuman. Sementara Pendakwa Raya pula tidak berpuas hati terhadap sabitan di bawah s. 6 ADB dan merayu supaya OKT disabitkan di bawah pertuduhan asal iaitu di bawah s. 39B(1)(a) ADB.

[5] Kami telah mendengar rayuan kedua-dua belah pihak. Kami sebulat suara telah menolak rayuan OKT dan membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Justeru kami mensabitkan OKT di bawah s. 39B(1)(a) ADB dan menjatuhkan hukuman mandatori iaitu hukuman mati terhadap OKT. Berikut adalah penghakiman kami.

[6] Fakta Kes *Prima Facie*

(a) Pada jam lebih kurang 5.30 petang 27 October 2010, SP2 bersama pasukan beliau telah membuat intipan ke atas sebuah kereta jenis Audi berwarna hitam dengan nombor pendaftaran WTQ 424 di tempat seperti pertuduhan, yang disyaki sebagai kereta curi.

(b) SP2 telah melihat seorang lelaki yang kemudiannya dicamkan sebagai OKT telah menghampiri kereta tersebut. OKT telah membuka pintu kereta dengan alat kawalan jauh. OKT dilihat telah memasuki kereta tersebut serta menghidupkan enjin. OKT dalam keadaan hendak mengundurkan kereta apabila SP2 dan pasukan beliau membuat serbuan.

(c) OKT dalam keadaan terkejut telah keluar dari kereta tersebut dan terus menyatakan "minta maaf encik kereta ini kereta curi, dalam bonet ada ganja."

(d) SP2 telah memeriksa kereta tersebut dan mendapati dua bungkusan plastik besar, setiap satu berisi 15 ketulan mampat dan 10 ketulan mampat yang disyaki dadah berbahaya jenis cannabis.

(e) SP7, iaitu ahli kimia kerajaan setelah menjalankan analisis, mengesahkan bahawa 25 ketulan mampat tersebut adalah dadah berbahaya jenis cannabis dengan berat bersih 22,503g.

[7] Dapatan fakta dan undang-undang di akhir kes pendakwaan oleh hakim bicara dapat dilihat di ms. 326 Rekod Rayuan Jilid 4 di bawah tajuk "custody and/or control and knowledge".

"*Mens rea* possession"

[8] Hakim bicara telah memutuskan penemuan fakta bahawa OKT ingin menyewa rumah kepunyaan SP3 di blok berhampiran. Perjanjian sewa telah dimuktamadkan. Sebagai kemudahan sebagai penyewa, OKT berhak untuk mendapatkan "access card" dan pelekat kereta. SP3 telah membantu OKT untuk mendapatkan pelekat kereta "parking bay". SP3 perlu mengisi borang permohonan dan bertanyakan apakah butiran nombor pendaftaran kereta OKT (rujuk eks. P18 ms. 400 RR Jld 4).

[9] Seperti yang diarahkan oleh OKT, SP3 telah mengisi borang tersebut dengan butir-butir kereta jenis Audi berwarna hitam dengan nombor pendaftaran WTQ 424. Setelah mendapat pelekat kereta dengan nombor pendaftaran WTQ 424 (rujuk eks. P15 ms. 389 RR Jld. 4) SP3 telah menyerahkan kepada OKT tanpa sebarang bantahan terhadap apa-apa kesilapan pada pelekat kereta tersebut. SP7 Pegawai Penyiasat pula mengesahkan bahawa kereta di mana dadah-dadah tersebut dijumpai mempunyai pelekat kereta yang sama iaitu eks. P15.

[10] Kami bersetuju dengan dapatan fakta hakim bicara seperti di ms. 330 RR Jld. 4, "cumulative effect" keterangan SP2, SP3 dan SP7 jelas membuktikan bahawa OKT mempunyai "*mens rea* possession" terhadap dadah-dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan yang dijumpai di dalam kereta WTQ 424 tersebut.

[11] Untuk elemen "pengedaran" hakim bicara telah mengguna pakai andaian undang-undang di bawah s. 37(da) ADB.

Pembelaan

[12] OKT mengakui fakta kes pendakwaan setakat beliau ditahan oleh SP2, tetapi OKT menafikan bahawa beliau ada berkata "maaf encik, kereta ini kereta curi, di dalam boot ada ganja". Apa yang dikatakan oleh OKT ialah "kereta ini bukan saya punya, ini kereta "Azman bin Hassan". Dia minta tolong untuk hantar kereta ini ke bengkel kepunyaan anak saudara saya". OKT mengakui pihak polis menjumpai dua bungkusan plastik hitam daripada boot kereta tersebut tetapi beliau menafikan mengetahui ianya adalah ganja atau kanabis.

[13] Pembelaan juga memanggil SB2 (seorang mekanik kereta dan juga merupakan anak saudara OKT) yang mengakui bahawa kereta tersebut adalah kepunyaan "Azman". Beliau telah diberitahu oleh "Azman" bahawa OKT mempunyai kunci kereta tersebut dan meminta SB2 untuk memeriksa dan membaiki kereta tersebut. SB2 telah menelefon OKT untuk membawa kereta tersebut ke bengkel beliau untuk diperiksa dan dibaiki. Kemudian SB2 mendapat tahu OKT telah ditangkap oleh polis.

[14] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara memutuskan bahawa "Azman" bukanlah ciptaan atau rekaan. SP7, Pegawai Penyiasat mengakui bahawa kereta tersebut telah disaman kunci (clamped). Saman tersebut telah dijelaskan oleh "Azman", malangnya SP7 tidak menyiasat mengenai "Azman". Justeru, mengikut hakim bicara, pembelaan telah berjaya mengakas andaian di bawah s. 37(da) ADB mengenai pengedaran. Sebaliknya hakim bicara telah mendapati OKT bersalah di bawah ss. 6 dan 39A(2) iaitu kesalahan memiliki ganja.

Rayuan

[15] Peguam terpelajar bagi OKT telah berhujah satu isu sahaja iaitu OKT tidak mempunyai kuasa melupuskan (power of disposal) terhadap dadah-dadah tersebut. Ini bererti "*mens rea* possession" tidak dibuktikan melampaui tahap keraguan yang munasabah. Hujah peguam berlandaskan kepada dapatan fakta hakim bicara bahawa "Azman" bukanlah ciptaan atau rekaan, kegagalan SP7 (pegawai penyiasat) menyiasat mengenai "Azman" menyebabkan asas kes *prima facie* mempunyai keraguan munasabah. Hakim bicara adalah khilaf apabila menerima kewujudan "Azman" tetapi telah mensabitkan OKT di bawah kesalahan memiliki. Seharusnya hakim bicara melepas dan membebaskan OKT dari sebarang pertuduhan berkaitan dengan dadah-dadah tersebut.

[16] Peguam OKT telah merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *PP v. Denish Madhavan* [2009] 2 CLJ 209:

> [19] Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, then what is established is possession, not exclusive possession. So much for exclusive possession.

[17] Seterusnya peguam terpelajar juga merujuk kepada kes Mahkamah Agong *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285; [1992] 2 MLJ 561, di perenggan G ms. 567:

> In this context, mere knowledge of the presence of the seven newspaper packages or the cigarette packet in the Honda without more would not be sufficient to constitute custody or control thereof …

[18] Kami menolak hujah peguam yang bijaksana. Kami bersetuju dengan hujah Timbalan Pendakwa Raya bahawa hakim bicara adalah terkhilaf apabila menerima fakta kewujudan "Azman". Alasan mengenai resit bayaran denda tayar kereta yang dikunci oleh pihak pengurusan Mentari Court hanyalah satu fakta yang dicadangkan sahaja (rujuk ms. 141 RR Jld 2). Saman atau resit tersebut di mana nama "Azman" dikatakan tertera, tidak dikemukakan sama ada di peringkat pendakwaan atau pun pembelaan. Ini bererti tiada nilai probatif perlu diberi pertimbangan oleh hakim bicara. Jelas hakim bicara tersalah arah dalam isu ini.

[19] Seterusnya karektor "Azman" hanya ditimbulkan semasa perbicaraan. Ianya tidak pernah diberitahu oleh OKT sama ada kepada Pegawai Tangkapan (SP2) ataupun Pegawai Penyiasat (SP7). Untuk itu kami telah merujuk kepada keterangan Pegawai Penyiasat (SP7) di ms. 153 RR Jld. 2:

> S: Awak telah bersetuju bahawa OKT hendak membawa kereta Audi dan pada masa OKT telah ditahan oleh ASP Robin. Tetapi dalam masa yang sama apabila awak diajukan soalan demi soalan yang berkaitan dengan penama Hafiz dengan Azman bin Hasan awak tidak setuju kerana awak tidak tahu. Soalan saya semasa awak siasat kes ini ada atau tidak tertuduh memberi maklumat berkenaan dengan hafiz dan Azman bin Hasan ini kepada awak?
>
> J: Tidak.

[20] Seterusnya di ms. 157 RR Jld. 2 juga menyatakan:

> S: Awak ditanya 2 kali fasal pemilikan Azman Hasan terhadap kereta Audi ini. Satu jawapan awak berikan "tidak setuju" dan satu lagi jawapan awak kata "tidak setuju sebab saya tidak tahu". Kenapa awak tidak setuju bila dikatakan Azman Hasan ini memiliki kereta Audi?
>
> J: Sebab sepanjang siasatan saya nama ini tidak timbul.
>
> S: Awak telah ditanya dengan soalan bahawa ada seorang penama iaitu Azman Hasan membayar denda untuk kereta yang telah ditunda. Awak setuju bahawa resit pembayaran denda itu boleh menunjukkan nama Azman Hasan. Sepanjang perbicaraan ini adakah awak ditunjukkan dengan resit tersebut?
>
> J: Tidak.

[21] Kami merujuk kes tersohor iaitu kes Mahkamah Persekutuan *Teng Howe Sing v. PP* [2009] 3 CLJ 733; [2009] 3 MLJ 46:

> [30] With regard to the above contention of the appellant it is our judgment that it is misconceived. By commenting on the failure of the appellant to provide all relevant information regarding "Ho Seng" to the police at the time of his arrest or when his cautioned statement (D2) was recorded five days after his arrest does not mean that the learned trial Judge had imposed on the appellant a duty to speak/disclose them in his cautioned statement nor did he draw any adverse inference against the appellant. The learned trial Judge's comments on the late disclosure of the real identity of "Ho Seng" at the defence stage merely goes to show the weight that the court attached to the appellant's defence which is permitted by the law. On this point we would like to refer to the case of *Public Prosecutor v. Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585, wherein Lim Beng Choon J at p. 591 said that:

A

> ... So we are left with nothing more than the bare oral assertion of the accused that it was Noor Azlan who asked him to collect the bag on behalf of the former and that the accused himself had no knowledge of the contents of P3. If that be the case, one would hardly imagine that he would not have told either PW3 or PW5 at the railway station at Alor Setar at the time of his arrest that
B P3 belonged to Noor Azlan instead of saying that there was nothing in P3.
>
> [31] In *Badrulsham*'s case, the court was of the view that the failure of the accused to inform the raiding officers that the white plastic bag belonged to Noor Azlan at the time of his arrest and only revealing this
C information during the interrogation two hours after his arrest, goes some way to support the case for the prosecution.
>
> [32] Applying the principle in *Badrulsham*'s case to the facts of the instant case, the learned trial judge was correct to conclude that the appellant had two opportunities to provide information about "Ho Seng", ie at the time
D of his arrest and five days later during recording of his cautioned statement but he failed to do so. We are therefore of the view that in the circumstances, the appellant's failure to provide relevant information about a "Ho Seng" for the police to carry out a thorough investigation into the probability of his defence, entitled the learned trial judge to disbelieve him.

E

[22] Atas alasan-alasan di atas kami sebulat suara bersetuju bahawa penemuan fakta hakim bicara mengenai "Azman" adalah bertentangan dengan keterangan yang ada (against the weight of evidences).

[23] Mengenai andaian undang-undang di bawah s. 37(da) ADB pula,
F pembelaan tidak membawa apa-apa keterangan untuk mengakas andaian tersebut di atas imbangan kebarangkalian. Pembelaan hanya menafikan "*mens rea* possession" sahaja.

Kesimpulan

[24] Setelah meneliti keseluruhan keterangan, kami mendapati keterangan
G adalah kukuh untuk pembuktian "*mens rea* possession" dan "pengedaran" di bawah pertuduhan asal iaitu di bawah s. 39B(1)(a) ADB. Rayuan OKT ditolak sebaliknya rayuan Pendakwa Raya dibenarkan. Sabitan dan hukuman terhadap OKT oleh hakim bicara diketepikan dan digantikan dengan sabitan di bawah s. 39B(1)(a) ADB dan dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama
H iaitu hukuman mati mandatori.

I